



KERATAN AKHBAR



JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA, BLOK C, KOMPLEKS ISLAM PUTRAJAYA
NO. 20 JALAN TUNKU ABDUL RAHMAN, PRESINT 3, 62100 PUTRAJAYA

AKHBAR	SUBJEK	TARIKH
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN <input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA <input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO <input type="checkbox"/> NEW STRaits TIMES <input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> KAHWIN & CERAI <input type="checkbox"/> TUNTUTAN <input type="checkbox"/> AKIDAH <input type="checkbox"/> JENAYAH SYARIAH <input checked="" type="checkbox"/> PELBAGAI	5/09/2023
CATATAN		

PRK PULAI & SIMPANG JERAM: 'FATWA' HARAM

Boleh timbul salah faham, cemar Islam

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Tindakan sesetengah pihak yang mengeluarkan kenyataan bersifat menghukum pihak tidak sealiran fahaman berupaya mencetuskan babit-babit perpecahan lebih serius serta mengancam keselamatan negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar berkata, ucapan seorang pemimpin politik yang menyatakan hukum haram memberikan undi kepada seorang calon bertanding di Pilihan Raya Kecil (PRK) Parliment Pulai boleh membulan salah faham dalam masyarakat dan mencemar kesucian ajaran Islam.

"Penggunaan istilah haram mengikut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka boleh didefinisikan kepada enam (6) maksud.

"Bagaimanapun, umum-

nya masyarakat di Malaysia mengaitkan penggunaan istilah haram dengan hukum syarak iaitu 'hukum tegahan (dalam Islam) yang dijanjikan ganjaran pahala bagi orang yang mematuhi dan dosa bagi orang yang mengingkarinya', katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau mengulas mengenai laporan media yang menyiarkan ucapan Pengurus Perikatan Nasional (PN), Tan Sri Muhyiddin Yassin menyatakan 'fatwa haram' apabila mengundi calon Pakatan Harapan (PH), Suhaizan Kaiat pada hari mengundi bagi PRK Parliment Pulai di Johor, Sabtu ini.

Video sebahagian ucapan Ahli Parliment Pagoh itu mula tular dan diulang siar dalam media sosial sejak kelmarin sehingga mengundang kecaman dan kritikan dalam kalangan netizen, selain digunakan parti lawannya untuk membuat serangan balas.

Mengulas lanjut, Mohd

Na'im berkata, negara mempunyai pihak berkuasa dalam mengeluarkan pandangan hukum atau fatwa mengenai sesuatu perkara serta mahu semua pihak menghentikan segala kempen yang menyentuh sentimen keagamaan dan perkauman.

"Saya berharap kita semua menghormati pihak berkuasa dan tidak terpengaruh dengan hukum-hukum yang dikeluarkan untuk tujuan kepentingan politik kumpulan. Semua pihak yang terlibat dalam PRK kali ini dinasihatkan bersaing secara sihat dengan mengemukakan buah fikiran

serta idea untuk membantu rakyat.

"Saya menyeru semua pihak supaya bertanggungjawab untuk menghormati kesucian Islam, menjaga perpaduan dan keamanan masyarakat pelbagai kaum dan agama dalam negara yang tercinta ini," katanya.

Mufti Kelantan, Datuk Mohamad Shukri Mohamad, kelmarin turut menegur sikap segelintir ahli politik yang dilihat kurang tertib dalam menyampaikan ucapan politik sehingga sewenangnya mengeluarkan 'fatwa haram' kepada pihak tertentu, sekali gus mencecahkan permusuhan.

“Semua pihak yang terlibat dalam PRK kali ini dinasihatkan bersaing secara sihat dengan mengemukakan buah fikiran

Dr Mohd Na'im

